

30 SEP 2002

Parlimen-Bahas

BAJET DEFISIT BUKANLAH SATU KELEMAHAN

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan di Dewan Rakyat hari ini berkata langkah kerajaan mengemukakan Bajet 2003 yang bercorak bajet defisit dengan tujuan memantapkan pertumbuhan ekonomi negara, dan ia bukanlah satu kelemahan.

Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis (BN-Rompin) berkata, sekiranya kerajaan tidak menggunakan bajet defisit, negara mungkin tidak dapat memulihkan ekonomi ke tahap yang lebih baik.

"Asas ekonomi yang kukuh mampu menjana ekonomi yang lebih baik supaya dengan ini kerajaan dapat membina masyarakat," katanya semasa membahaskan Bajet 2003 pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Jamaluddin merujuk kepada dakwaan Mohd Apandi Mohamad (PAS-Jeli) yang mempersoalkan keberkesanan bajet defisit yang dibentangkan oleh kerajaan itu.

Jamaluddin berkata asas ekonomi negara adalah baik dan ini dibuktikan dengan beberapa perkara termasuk imbalan pembayaran negara yang berlebihan dicatatkan selama 57 bulan berturut-turut, keadaan hutang luar yang minimal dan kebanyakan pinjaman dibuat dalam negeri.

Beliau juga berkata pemulihan ekonomi yang dilihat sekarang ini berlaku seiringan dengan peningkatan ketara sokongan di kalangan orang Melayu kepada kerajaan.

"Ini dapat dilihat dengan kemenangan BN pada beberapa pilihan raya kecil kebelakangan ini," katanya.

Beliau berkata golongan berkenaan sudah mulai sedar dengan usaha yang dilakukan oleh kerajaan dan kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Datuk Zulhasnan Rafique (BN-Wangsa Maju) meminta penjelasan Wisma Putra sama ada terdapat protokol yang dikenakan Amerika Syarikat terhadap ketua-ketua negara yang melawat negara itu.

Beliau membangkitkan insiden Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang ditahan pihak berkuasa Lapangan Terbang Los Angeles ketika berlepas ke New York untuk berucap pada perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini.

Zulhasnan berkata beliau difahamkan Abdullah terpaksa melalui pelbagai pemeriksaan terperinci, termasuk dipaksa membuka kasut dan tali pinggangnya, walaupun Timbalan Perdana Menteri mempunyai pasport diplomatik yang sepatutnya memudahkan lagi perjalanannya.

"Saya ingin minta penjelasan Kementerian Luar sama ada pemeriksaan yang dilakukan itu dikenakan juga ke atas ketua negara-negara lain," katanya.

Beliau berkata masalah berkenaan jika berlaku kepada dirinya tidak menjadi isu kerana beliau tidak mempunyai pasport diplomatik atau visa "G" yang membuktikan sebagai wakil kerajaan.

Zulhasnan yang turut menghadiri perhimpunan agung PBB itu bersyukur kerana sewaktu masuk ke negara berkenaan, beliau tidak menghadapi masalah seumpama itu walaupun beliau dinasihatkan beberapa orang supaya mencukur janggut dan misai serta membuang perkataan bin pada namanya.

Datuk Dr Hassan Ali (PAS-Parit Buntar) pula menafikan pernah mengeluarkan kenyataan yang berniat menghina orang Jawa serta bahasa Jawa seperti yang didakwa anggota penyokong kerajaan dan media.

Beliau bagaimanapun mengakui pernah membangkitkan kebimbangannya bahawa bahasa Melayu akan pupus sebagai bahasa ilmu seperti yang terjadi kepada bahasa Sanskrit dan bahasa Jawa yang hanya menjadi bahasa pasar, berikutan

keputusan kerajaan menggunakan bahasa Inggeris bagi pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik.

Dr Hassan berkata niatnya memberikan contoh bahasa Jawa itu bertujuan meminta semua pihak supaya tidak hanya menerima keputusan kerajaan melaksanakan cadangan berkenaan tetapi sebaliknya perlu mempertahankan maruah orang Melayu.

Beliau juga bersetuju dengan tindakan beberapa pertubuhan yang mewakili kaum Cina membantah keputusan kerajaan menggantikan bahasa ibunda dengan bahasa Inggeris bagi pengajaran mata pelajaran berkenaan yang disifatkannya sebagai "tindakan yang relevan."

Sementara itu Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) berkata Malaysia harus merumus strategi jangka panjang untuk melabur dalam modal manusia, latihan semula dan pendidikan sebagai suatu proses sepanjang hayat dalam usaha untuk menarik lebih pengaliran terus modal asing (FDI) ke dalam negara.

Beliau berkata perniagaan antarabangsa tidak lagi sekadar melihat kepada kos pengeluaran yang rendah tetapi turut memberi keutamaan kepada produktiviti dan pasaran besar seperti di China.

Katanya China sedang memberi penekanan kepada pelaburan dan modal manusia dan peningkatan teknologi melalui FDI.

Menyentuh isu saman trafik dengan panjang lebar, Kerk meminta Kementerian Dalam Negeri menjelaskan kedudukan sebenar saman yang dikeluarkan polis menurut Seksyen 115 Akta Pengangkutan pada Ops Warta II.

Katanya jika saman berkenaan tidak sah dan dibatalkan, kerajaan hendaklah memulangkan wang kepada mereka yang membayar saman berkenaan dengan segera.

Datuk Suhaili Abdul Rahman (BN-Labuan) pula mencadangkan kepada kerajaan agar menyemak semula perbelanjaan kos Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) supaya sesuai dengan kehendak semasa.

Beliau berkata nilai sebuah rumah dalam PPRT adalah RM11,000 tetapi setelah mengambil kira kos penyambungan air dan elektrik serta keuntungan kontraktor, baki yang tinggal adalah RM5,000 untuk membina sebuah rumah.

"Bayangkanlah rumah yang bagaimanakah dapat dibina dengan jumlah sebanyak ini," katanya.

Sejajar dengan hasrat kerajaan menjadikan Labuan sebagai Pusat Pendaftaran Kapal Antarabangsa, Suhaili mencadangkan agar kerajaan menubuhkan sekolah pelayaran yang dikenali sebagai "Labuan International Nautical School" dan "Labuan Maritime Authority" bagi menjadikan Labuan pusat penyenggaraan dan membaik pulih kapal di rantau ini.

Zawawi Ahmad (PAS-Padang Terap) berkata Kementerian Pendidikan mestilah berusaha mengatasi masalah kekurangan guru bahasa Inggeris yang telah lama wujud serta kekurangan peralatan untuk pembelajaran dan pengajaran, khususnya di sekolah luar bandar.

"Masalah ini masih tidak dapat diselesaikan walaupun telah didesak berulang kali dan hari ini para guru dibebankan pula dengan masalah pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris," katanya.

Beliau berkata masalah keciciran dan kelemahan murid khususnya di luar bandar dalam subjek bahasa Inggeris, Sains dan Matematik bukanlah kerana tahap kecerdasan otak yang rendah tetapi persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang kekurangan guru dan peralatan.

Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA

NN HS NMO